
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

PLG 517 - Pengajian Kurikulum

Masa: 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN :

Jawab **TIGA (3)** soalan semuanya. Jawab soalan **nombor 1** dan pilih **DUA (2)** soalan lain.

Jika calon menjawab lebih daripada dua soalan pilihan, hanya dua soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

1. *Seringkali **kurikulum yang dilaksana** tidak dapat memenuhi kehendak **kurikulum yang dirancang**, manakala **kurikulum yang diterima** tidak mencapai objektif kurikulum yang dilaksana.*
 - a) Berikan pengertian tentang **TIGA (3)** bentuk kurikulum yang terdapat dalam pernyataan di atas.

(10 markah)
 - b) Bincangkan maksud pernyataan di atas dalam konteks pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

(30 markah)

2. Berdasarkan kepada falsafah rekonstruksionis dan rekonseptualis, cadangkan **LIMA (5)** perubahan terhadap kurikulum sekolah di Malaysia.

(30 markah)

3. *Keputusan peperiksaan UPSR, PMR dan SPM tidak wajar dijadikan kayu ukur pencapaian sekolah dalam mendidik pelajar.*

Bincangkan kewajaran pernyataan di atas dari aspek penilaian kurikulum.

(30 markah)

4. *Menetapkan objektif perlakuan adalah satu kemestian dalam merancang pelajaran.*
 - a) Jelaskan sekurang-kurangnya **TIGA (3)** kebaikan menetapkan objektif perlakuan sesuatu pelajaran.

(15 markah)
 - b) Apakah limitasi-limitasi menetapkan objektif perlakuan dalam pengajaran sesuatu pelajaran?

(15 markah)

5. *Rekabentuk kurikulum berpusatkan mata pelajaran adalah selari dengan falsafah pendidikan perenialisma.*

Jelaskan pernyataan di atas.

(30 markah)